



# SENANGNYA KIKIS DUIT

Sudah terhantuk baru terngadah. Itulah perumpamaannya buat mangsa penipuan siber atau online. Kehilangan wang dalam sekelip mata sehingga mencecah ribuan, malah jutaan ringgit adalah sesuatu yang tidak disangka. Ini kerana pada awalnya, mungkin nafsu mangsa untuk mendapatkan sejumlah pulangan wang yang lebih besar menguasai fikiran sehingga begitu senang mempertaruhkan nasib mempercayai pihak yang tidak bertanggungjawab melalui skandal penipuan siber sebegini.

Menurut Persatuan Pengguna Kedah (Cake), penipuan siber sebegini dijalankan oleh individu atau syarikat yang tidak sah serta banyak menasaskan individu yang berusia 50 tahun ke atas berikutan golongan usia berkenaan dikatakan mudah terpedaya serta tidak begitu meluas dalam penggunaan media sosial. Setiausaha Cake, Mohamad Yusrizal Yusoff menyatakan, ada mangsa yang datang membuat aduan, mereka kerugian sehingga RM100,000 seorang dalam hanya satu transaksi. Mereka menggunakan duit simpanan untuk membeli barang yang ditawarkan, contohnya membeli kereta melalui laman web terkemuka. Ada juga warga emas mengeluarkan duit daripada dalam peti-besi yang disimpan sekian lama selepas mempercayai 'janji' manis si penjenayah siber. Kes yang dilaporkan di atas antara 8,313 kes penipuan siber membabitkan wang berjumlah kira-kira RM300 juta direkodkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang tempoh Januari hingga Oktober tahun 2018. Di samping itu, sepanjang tahun 2018, sebanyak 3,816 kes penipuan telekomunikasi atau tipu panggilan direkodkan membabitkan jumlah wang kira-kira RM162.6 juta, 286 kes pinjaman tidak wujud (RM37.2 juta); 1,398 kes 419 Scam (RM80 juta) dan 2,813 kes pembelian dalam talian (RM19.5 juta).

Dengan perkembangan dalam perkhidmatan atas talian dan penggunaan Internet, terdapat banyak peluang untuk 'penyangak' melakukan kesalahan jenayah dengan melakukan penipuan dan *fraud*. Ini adalah contoh skim penipuan yang mengambil peluang ke atas individu bernasib malang untuk tujuan mendapatkan sesuatu seperti wang, kata laluan akaun penting di Internet, bahkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, nombor keselamatan kad kredit dan sebagainya. Ini biasanya dilakukan melalui panggilan palsu atau e-mel palsu atau *spam*.

Antara jenis penipuan siber bersifat global yang lain termasuklah peredaran yang mudah tetapi ganjarannya besar, laman sesawang perniagaan pelbagai barangan yang tidak wujud, penipuan skim cepat kaya, piramid atau loteri, penipuan cinta (*romance scam*), e-mel rangkaian sosial palsu, penipuan e-mel *phishing*, WiFi percuma, mesej atau e-mel ancaman atau menakut-nakutkan dan lain-lain. Begitu pun, menurut sumber di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, empat jenis penipuan siber yang paling banyak dilaporkan di Malaysia ketika ini membabitkan penipuan telekomunikasi (termasuk *Macau Scam*), pinjaman tidak wujud, *African Scam* dan penipuan berkaitan pembelian dalam talian. Penipuan siber ini adalah satu bentuk ancaman serius terhadap rakyat kerana penipuan ini mengakibatkan mangsa dirompak secara tidak sedar dengan begitu mudah dan licik.

Banyak pihak memberikan panduan yang cukup mudah untuk kita mengelakkan diri daripada terjebak menjadi mangsa penipuan siber sebegini. Panduan keselamatan ini cukup mudah untuk kita temukan di media sosial atau laman sesawang kerajaan, NGO mahupun orang perseorangan. Penulis kongsi panduan yang diberikan oleh laman sesawang *Loanstreet.com.my*.

#### ● Penipuan jual beli atas talian

Fenomena e-dagang semakin popular di Malaysia. Keadaan ini turut meningkatkan penipuan jual beli dalam talian secara

mendadak. Beberapa bentuk penipuan urus niaga atas talian ialah penjual tidak menghantar barangan kepada pembeli setelah bayaran dibuat atau penjual menghantar barang tiruan kepada pembeli dan bukan barangan asli yang dipersetujui. Langkah keselamatan untuk penipuan seperti ini adalah dengan menyemak deskripsi produk dengan teliti dan tanya kepada penjual jika anda mempunyai apa-apa ketidakpastian tentang item itu. Tambahan lagi, rujuk komen atau penilaian (*review*) tentang barangan yang dibuat oleh pembeli lain. Pastikan anda membaca penilaian itu pada halaman penjual sebelum membuat sebarang pembelian. Jauhi laman web yang tidak menunjukkan ulasan pengguna.

#### ● Penipuan pekerjaan dalam talian

Penipuan pekerjaan dalam talian sentiasa berlaku. Gaji yang sangat lumayan, konsep bekerja dari rumah dan pelbagai umpan lain digunakan untuk memerangkap anda. Sebahagian daripada mereka akan mempergunakan anda untuk memindahkan wang sebagai cara pengubahan wang haram mereka. Pekerjaan itu menyebabkan anda mempunyai risiko untuk dipenjarakan. Sesetengah majikan palsu menggunakan wakil rekrut daripada syarikat terkemuka akan memerlukan anda untuk mendepositkan sejumlah wang sebagai yuran pemrosesan yang boleh dikembalikan supaya dapat menjamin peluang pekerjaan anda. Selepas itu, tentulah mereka akan melarikan diri dengan wang anda tanpa meninggalkan jejak.

Jadi, langkah keselamatan yang boleh diambil adalah anda tidak perlu membayar apa-apa wang untuk temu duga. Anda juga tidak harus membantu pihak ketiga memindahkan wang dan jika pekerjaan itu kedengaran terlalu bagus sehingga kedengaran tidak realistik, mungkin itu memang satu penipuan.

#### ● Penipuan pelaburan forex

Forex iaitu pusat perdagangan mata wang menjadi pilihan pelaburan yang semakin popular. Pelaburan itu boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan dalam jangka masa panjang. Sama seperti sebarang jenis pelaburan yang lain, forex memerlukan kerja keras dan pengalaman sebelum membuahkan hasil. Perisian ajaib yang dijual di pasaran hari ini kononnya dapat membantu anda mencapai pendapatan yang mustahil. Janji kosong untuk melabur jumlah yang kecil untuk memenangi jumlah yang tidak terhad seharusnya menimbulkan sangsi orang ramai. Sebaliknya orang ramai masih ditipu janji kosong ini. Anda juga harus was-was akan broker forex yang mendakwa mereka datang daripada syarikat yang dikawal selia.

#### ● Penipuan e-mel

*Phishing* ialah satu usaha penipuan untuk mencuri maklumat peribadi seperti nama pengguna dan kata laluan akaun bank anda. Penipu biasanya menghantar e-mel yang kelihatan sah dan akan memaklumkan penerima untuk mengemas kini maklumat mereka untuk menambah baik pengalaman langganan mereka. Setelah

mengklik link itu, anda akan diarahkan ke laman web palsu yang kelihatan sama dengan laman web perbankan yang asal. Sekiranya anda menerima e-mel seperti ini, anda harus membuat panggilan kepada bank anda dan mendapat pengesahan sama ada e-mel itu benar atau palsu. Nombor yang anda panggil haruslah nombor telefon rasmi bank dan bukannya nombor yang diberi dalam e-mel.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sudah sekian lama mengadakan perbincangan dengan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM bagi mencari kaedah memerangi jenayah ini. Salah satu cadangan terkini yang sedang dipertimbangkan ialah membentuk jawatankuasa kerja terdiri daripada wakil SKMM, institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi untuk bekerjasama dengan JSJK bagi mempercepatkan perkongsian maklumat serta memberi maklum balas serta-merta kepada orang ramai jika ada elemen penipuan dikesan.

Selain itu, antara cadangan lain turut dipertimbangkan ialah syarikat telekomunikasi menaik taraf sistem mereka bagi membantu polis mengesan alamat Protokol Internet (IP) yang digunakan oleh penjenayah siber. Tambahan lagi, diusulkan agar pendaftaran pelanggan prabayar dibuat iaitu syarikat telekomunikasi mengemas kini pangkalan data pelanggan prabayar mereka untuk memastikan semua nombor yang aktif disahkan dan mengandungi maklumat terkini pengguna. Perkhidmatan nombor prabayar akan ditamatkan sekiranya pengguna gagal mengemas kini maklumat.

Menurut sumber Kementerian Komunikasi dan Multimedia, maklumat itu juga akan disemak semula dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertujuan mengeluarkan rekod pelanggan prabayar yang diragui. Semua pihak perlu membantu kerajaan meningkatkan usaha mendidik dan memaklumkan orang ramai mengenai penipuan ini melalui pengumuman khidmat awam dalam media cetak, radio, televisyen dan media sosial bagi memastikan orang awam mengetahui dan sentiasa waspada supaya tidak menjadi mangsa.

**Penulis Penceramah Kanan Di Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia**